

15 JAN 1999

Kanak-Mahathir

HADIAH RAYA BUAT ADIK ADY DAPAT BERTEMU DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 16 Jan (Bernama) -- Mungkin ini boleh dianggap hadiah raya buat seseorang kanak-kanak yang sedang berjuang untuk terus hidup apabila impiannya untuk bertemu dengan pemimpin tertinggi negara dipenuhi.

Semasa ditemubual oleh seorang pemberita beberapa hari lepas, adik Mohd Ady Fakhri Mohd Zahir, 8, menyatakan hasrat bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hari ini impian keemasan itu tercapai apabila Dr Mahathir bersama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melawat beliau di rumahnya di Lorong Air Puteh, di sini.

Gembira dan keceriaan jelas terpancar di wajah kanak-kanak itu yang mengidapi penyaki tulang tengkuk reput sehingga menyebabkan beliau terpaksa memakai alat yang dikenali "Lerman MRI Halo" bagi menyokong dan mengawal tengkuknya.

"Saya sungguh gembira dan berbangga... pada mulanya saya agak tentu tidak mungkin dapat bertemu dengan beliau," kata pelajar tahun dua Sekolah Kebangsaan Seberang Perak yang sekarang ini digelar "Robo Cop" oleh rakan-rakannya kerana struktur besi yang dipakai di kepalanya itu.

"Saya terlalu gembira bukan sahaja Dr Mahathir yang datang tetapi juga isterinya dan Menteri Besar (Tan Sri Sanusi Junid)," katanya.

Pertemuan itu diatur oleh Saad Hashim, wakil peribadi Dr Mahathir di kawasan Parlimennya, Kubang Pasu. Beliau menghabiskan masa selama 30 minit berbual mesra dengan keluarga itu.

Dr Mahathir sedang dalam lawatan sehari ke Kedah untuk merasmikan Kompleks Islam Al-Bukhary dan majlis berbuka puasa dengan penduduk dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu di Masjid Kampung Tanjung, Tunjang, Jitra.

Perdana Menteri turut menyampaikan hamper yang mengandungi barang makanan, duit raya dan juga kad raya kepada Ady dan keluarga.

"Ady sepatutnya dimasukkan ke hospital pagi ini kerana lehernya mulai menanah tetapi ditangguhkan sehingga beliau dapat berjumpa dengan Dr Mahathir. Selepas sahaja pertemuan ini kami akan bawanya ke hospital Alor Setar," kata ibunya Siti Hajjar Sheikh Ahmad, 26.

Anak bekas Komando Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang sekarang ini berniaga kecil-kecilan, memerlukan RM10,000 untuk menjalani pembedahan mengubati penyakit itu.

Beliau akan dibedah di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada 25 Jan ini.

Siti Hajar berkata, beliau bagaikan tidak percaya apabila menerima panggilan telefon beberapa hari lepas dari pejabat Perdana Menteri yang beliau akan turun melawat mereka.

"Saya sangat-sangat berterima kasih kerana beliau sudi memenuhi impian Ady. Ini adalah kenangan Hari Raya yang paling indah buat keluarga kami," katany dengan nada yang terharu.

-- BERNAMA

MZM WAT